

31 DEC 2001

Mahathir-Disiplin

RAKYAT MALAYSIA PERLU BERDISIPLIN

PORT DICKSON, 31 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata rakyat Malaysia perlu bersikap penuh disiplin dan sanggup menentang sesiapa sahaja yang cuba mengganggu gugat keamanan dan kemerdekaan negara.

"Kita yakin apabila negara di serang, maka rakyat dan tentera Malaysia akan berjuang walaupun dengan cara itu mereka mengorbankan diri mereka untuk negara," katanya di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada perbarisan tamat latihan rekrut siri 147/2001 di Pusat Latihan Asas Tentera Darat (PUSASDA) Port Dickson di sini.

Seramai 1,957 rekrut berjaya menamatkan latihan selama enam bulan bermula 25 Jun lepas.

Turut hadir ialah Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak, Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad, Timbalan Menteri Pertahanan Datuk Shafie Apdal, Panglima Angkatan Tentera Tan Sri Mohd Zahidi Zainuddin dan pegawai-pegawai kanan angkatan tentera.

Perdana Menteri berkata kerajaan berbangga dengan sikap rakyat Malaysia yang masih bertanggungjawab terhadap pertahanan negara dengan menyertai angkatan tentera secara sukarela.

"Kita bersyukur tentera di negara kita masih secara sukarela, tidak seperti di sesetengah negara yang memaksa setiap warganya menjalani latihan menjadi tentera simpanan untuk digunakan ketika peperangan," katanya.

Bagaimanapun rakyat Malaysia perlu sanggup berkerjasama dan bersatu padu untuk menghadapi ancaman baru iaitu penaklukan negara yang lemah bukan sahaja melalui ketenteraan tetapi cara lain termasuk melalui tekanan ekonomi.

"Kalau kita membenarkan diri kita dijajah semula tentu kebebasan kita akan tamat dan akan menjadi hamba kepada orang lain.

"Tiada siapa rakyat Malaysia yang ingin menjadi hamba kepada orang lain," katanya.

Dr Mahathir berkata rakyat Malaysia harus bersyukur kerana walaupun tidak ada undang-undang yang memaksa mereka untuk memikul senjata dan mempertahankan negara, ramai belia yang sanggup berbuat demikian untuk memastikan kemerdekaan dan kebebasan negara terus berkekalan.

"Inilah kelebihan negara kita dan rakyat Malaysia harus bersyukur dengan kesanggupan begini ramai daripada anak muda Malaysia memikul senjata dan sanggup mempertahankan kemerdekaan negara kita," katanya.

Perdana Menteri turut mengingatkan anggota tentera bahawa bidang ketenteraan adalah tugas profesional dan tugas mereka ialah untuk mempertahankan negara mengikut arahan yang diberi oleh kerajaan pilihan rakyat semasa.

"Walaupun kita mungkin mempunyai pendirian atau pun pendapat yang berlainan tetapi sebagai anggota profesional kita tidak boleh membenarkan pemikiran kita memengaruhi tugas kita. Tugas kita ialah untuk menjalankan segala arahan yang disampaikan.

"Saya yakin, kita semua faham akan pentingnya kita bersikap profesional dan kita mempunyai disiplin yang cukup baik. Kita tidak mungkin dapat mempertahankan negara kalau kita tidak berdisiplin dan pasukan-pasukan yang tidak berdisiplin tidak mungkin menjalankan sesuatu tugas dengan jayanya.

Perdana Menteri berkata dunia hari ini berhadapan dengan pelbagai masalah baru, sebagai contoh serangan di bangunan World Trade Centre di New

York pada 11 Sept lepas menggunakan pesawat komersil.

"Kesan daripada itu, ramai daripada penduduk dunia hidup dalam ketakutan, takut kepada serangan yang tidak mengambil kira sama ada mereka daripada tentera atau pun orang biasa.

"Oleh itu, kita perlu juga memahami tentang cara-cara baru untuk melawan serangan daripada penganas," katanya.

Beliau berkata tidak ada tempat bagi golongan yang memperjuangkan hak mereka melalui keganasan dan kita perlu belajar bagaimanapun untuk mempertahankan negara daripada penganas yang bertindak dengan cara mereka sendiri tanpa menggunakan peralatan ketenteraan.

Pada sidang media selepas itu, Dr Mahathir berkata kerajaan sedang mengambil tindakan untuk menyediakan lebih banyak rumah bagi semua anggota tentera selain beberapa kemudahan lain untuk menarik lebih ramai lagi belia menganggotai angkatan tentera.

"Kita sedihlah, ada anggota tentera yang tinggal di kawasan setingan dan kita tak mahu itu berlaku," katanya.

Mengulas kurangnya penyertaan kaum lain dalam angkatan tentera selain daripada masyarakat Bumiputera khususnya orang Melayu, Perdana Menteri berkata kerajaan tidak boleh melayan kehendak sesetengah kaum bagi menarik mereka menyertai tentera seperti juga doktor, mereka meninggalkan hospital kerajaan untuk mendapatkan pendapatan yang lebih di hospital swasta.

-- BERNAMA

APG SBS RP PR